



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
*The National University of Malaysia*

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 12/2023**

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PLATFORM e-DAGANG TICKET2U BAGI PROGRAM/  
AKTIVITI UNIVERSITI**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan berkaitan garis panduan penggunaan platform e-Dagang Ticket2u bagi semua penganjuran aktiviti/ program Universiti kepada semua warga.

**2. TAFSIRAN**

Ticket2u	Platform e-Dagang yang digunakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTj)/ Kelab/ Persatuan Pelajar untuk memasarkan dan mempromosikan produk/ perkhidmatan berkaitan program/ aktiviti kepada pelanggan secara atas talian.
Penganjur	PTj/ Kelab/ Persatuan Pelajar yang menganjurkan program/ aktiviti seperti seminar, kursus, sukan, jualan barang, konsert, dan <i>esports</i>

**3. PELAKSANAAN**

**3.1. Penganjuran**

- 3.1.1. Penganjur perlu membuat permohonan penganjuran program melalui *Google Form* di pautan **Borang Pendaftaran Ticket2u**
- 3.1.2. Aktiviti promosi yang dijalankan hendaklah seiring seperti yang telah dinyatakan di dalam aplikasi Ticket2u.
- 3.1.3. Semua hasil kutipan akan dimasukkan ke dalam akaun Universiti. Penyelarasan hasil kutipan akan dilakukan ke tabung program/ aktiviti penganjur oleh Jabatan Bendahari.

### 3.2. Penangguhan dan pembatalan

- 3.2.1. Penangguhan program adalah **DIBENARKAN**. Penganjur perlu memberi pemakluman secara rasmi kepada Jabatan Bendahari selewat-lewatnya 2 minggu sebelum tarikh program berlangsung.
- 3.2.2. Sebarang pembatalan program adalah **TIDAK DIGALAKKAN**. Ini adalah kerana pihak penganjur perlu menanggung setiap kos yang terlibat sekiranya program dibatalkan.

## 4. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

### 4.1. Jabatan Bendahari

- a. Sebagai pentadir kepada platform e-Dagang Ticket2u
- b. Mendaftarkan program/ aktiviti yang akan dianjurkan di Ticket2u
- c. Mengesahkan pembayaran hasil kutipan
- d. Menyemak dan meresitkan hasil kutipan yang diterima daripada Ticket2u
- e. Menyediakan kata laluan sementara untuk wakil penganjur untuk melihat prestasi kutipan.
- f. Advokasi syarat-syarat pemasaran melalui Ticket2u

### 4.2. Penganjur

- a. Memastikan program/ aktiviti yang akan dianjurkan telah mendapat kelulusan daripada pihak berkaitan.  
*Contoh: Program/ aktiviti pelajar mendapat kelulusan HEP dan program/ aktiviti PTj mendapat kelulusan pengurusan Universiti*
- b. Melengkapkan permohonan pendaftaran program/ aktiviti melalui dengan melampirkan poster, video, maklumat program/ aktiviti termasuk yuran, tarikh, promosi "earlybird".
- c. Memantau hasil kutipan program/ aktiviti yang dianjurkan.
- d. Penganjur **TIDAK DIBENARKAN** berurusan terus dengan pihak pengurusan Ticket2u bagi sebarang perkara berkaitan penganjuran program/ aktiviti.
- e. Memastikan program/ aktiviti tiada unsur penipuan yang boleh menjejaskan nama baik dan mengakibatkan kerugian kepada Universiti.

## 5. PENGUATKUASAAN

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh pekeliling ini dikeluarkan.